

KESAN LAGU-LAGU TARBIAH SENTAP DI PLATFORM YOUTUBE TERHADAP REMAJA MASA KINI

Ahmad Baihaqi Ismail

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,

Tel: +60 17-944 6876 Email: ahmadbaihaqismail39@gmail.com

Walid Mohd Said

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah,

Tel: +60 12-663 4892 E-mail: walid@usim.edu.my

Ibrahim Adham Yasir

Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia,

, Tel: +60 10-949 0788 E-mail: iadham2001@gmail.com

ABSTRAK

Kehadiran media sosial telah mengubah landskap budaya remaja masa kini, termasuk cara mereka menerima dan merespon pengajaran agama. Di antara pelbagai bentuk kandungan agama yang popular di platform-platform digital, lagu-lagu Tarbiah Sentap semakin mendapat tempat istimewa. Terutama di platform YouTube, lagu-lagu ini tidak hanya menjadi popular, tetapi juga mempunyai pengaruh yang signifikan terhadap pemikiran dan tindakan remaja Islam. Lagu-lagu Tarbiah Sentap adalah karya seni yang mencakupi elemen muzik yang menarik dan lirik yang penuh dengan pesan-pesan tarbiah dan keagamaan. Mesej-mesej yang disampaikan dalam lagu-lagu ini sering kali berkaitan dengan nilai-nilai Islam, kehidupan beragama, dan pembangunan diri yang lebih baik. Walau bagaimanapun, meskipun populariti lagu-lagu Tarbiah Sentap semakin meningkat di kalangan remaja Islam, masih terdapat sedikit kajian yang mengkaji kesan sebenar lagu-lagu ini terhadap remaja, terutama dari segi perubahan sikap, pemikiran, dan tingkah laku mereka. Kajian ini ingin menyelidik kesan lagu-lagu Tarbiah Sentap dalam platform YouTube terhadap remaja masa kini. Menggunakan kaedah campuran kuantitatif, kajian ini meneliti persepsi remaja terhadap lagu-lagu tersebut serta impaknya terhadap pemikiran dan tingkah laku mereka. Dapatkan menunjukkan bahawa lagu-lagu Tarbiah Sentap memberi inspirasi dan motivasi kepada kebanyakan remaja untuk meningkatkan amalan keagamaan dan moral, tetapi terdapat juga cabaran dalam mengaplikasikan nilai-nilai tersebut dalam kehidupan seharian. Kesimpulannya, kajian ini memberi panduan kepada penerbit konten dan pendidik dalam menyampaikan mesej moral secara lebih efektif kepada remaja melalui platform digital.

Kata kunci: Platform-platform digital, lagu-lagu Tarbiah Sentap, youtube, populariti.

1. Pengenalan

Sejarah YouTube diperkenalkan di Malaysia pada 22 Mac 2012 dan pengguna menonton YouTube lebih 1 juta dengan purata penggunaannya 20 minit sehari (AmanzTV, 2012). Menurut Iovino (2011) terdapat kelebihan penggunaan YouTube, namun masih terdapat persoalan yang tidak terjawab mengenai cara generasi muda menggunakan teknologi ini. Walaupun YouTube bukanlah satu fenomena baharu, tetapi kebelakangan ini teknologi tersebut mendapat perhatian daripada generasi muda. Perkembangan teknologi yang sangat drastic ini telah menyediakan kepada orang ramai dalam pelbagai bentuk media yang mudah dicapai dan disebarluaskan. Internet menjadi media yang cukup popular dalam kalangan remaja kerana sifatnya yang bebas, interaktif dan inovatif. Salah satu daripada produk internet adalah YouTube yang cukup digemari, bukan sahaja oleh golongan remaja, bahkan pelbagai lapisan umur. YouTube merupakan laman perkongsian video yang membentuk pengguna memuat naik, memuat turun, menonton, memberi pandangan, mengulas rakaman video orang lain dan videoblog. Satu tinjauan yang dilakukan di Amerika Syarikat mendapati, sebanyak 100 juta klip video ditonton melalui YouTube setiap hari dengan 65 ribu video baharu dimuat naik

setiap 24 jam. Youtube dikunjungi hampir 20 juta pengguna setiap bulan dengan 44 peratus daripadanya adalah wanita dan 56 peratus adalah lelaki. Kumpulan yang berumur di antara 12 hingga 17 tahun adalah pengguna terbesar di Amerika Syarikat (Nielsen Net Ratings, 2006).

Populariti YouTube boleh dilihat dari segi ciri-ciri media itu sendiri. YouTube berhasil daripada kecanggihan teknologi, penggunaan jalur lebar berkelajuan tinggi dan peralatan fotografi serba moden untuk menjadikan video itu popular. Dengan kecanggihan ini, pengguna boleh menjadi penerbit maklumat dengan menerbitkan filem atau menyampaikan berita sendiri, bagi menggantikan media konvensional. Dengan keupayaan yang ada pada YouTube ini, tidak mustahil sekiranya media ini digunakan untuk pelbagai tujuan. Menurut McQuail, Blumler dan Brown (1972), media digunakan kerana beberapa keperluan, antaranya ialah untuk kepelbagaian, hubungan peribadi, identity peribadi dan risikan. Dalam konteks kepelbagaian, remaja masa kini mungkin menonton YouTube untuk melepaskan diri daripada tekanan atau masalah yang dihadapi. Dari segi hubungan peribadi pula, remaja menganggap YouTube sebagai teman untuk berhibur. Remaja juga berpendapat bahawa menonton video kegemarannya dalam YouTube mampu membentuk identity diri dan mereka akan memilih rancangan yang mampu membentuk peribadi diri. Remaja yang melihat video di YouTube sebagai sumber risiko berkemungkinan bertujuan untuk mendapatkan maklumat atau menambahkan ilmu pengetahuan.

Lagu-lagu Tarbiah Sentap merupakan fenomena yang semakin popular di kalangan remaja masa kini. Platform YouTube menjadi medium utama di mana lagu-lagu ini disebarluaskan dan diterima oleh jutaan penonton. Kandungan Tarbiah Sentap sering kali mengandungi pesan-pesan moral, humor, dan kritikan sosial yang menarik perhatian remaja. Remaja masa kini menghabiskan banyak masa dalam talian, terutamanya di platform media sosial. YouTube sebagai salah satu platform utama menawarkan pelbagai jenis kandungan, termasuk lagu-lagu Tarbiah Sentap. Pertanyaan yang timbul adalah: Apakah kesan lagu-lagu ini terhadap remaja? Adakah mereka mempengaruhi nilai-nilai, emosi, atau tingkah laku remaja?

Dalam proposal ini, kita akan mengkaji kesan lagu-lagu Tarbiah Sentap di platform YouTube terhadap remaja masa kini. Kajian ini diharapkan dapat memberi pandangan yang lebih mendalam tentang bagaimana kandungan ini mempengaruhi golongan sasaran. Dengan pemahaman yang lebih baik, kita dapat mengambil langkah-langkah yang sesuai untuk memastikan kandungan yang disebarluaskan di platform ini memberi manfaat kepada remaja.

1.1. Latar belakang kajian

Dalam era digital yang semakin pesat, remaja masa kini terdedah kepada pelbagai jenis kandungan di platform media sosial. Salah satu fenomena yang menarik perhatian adalah populariti lagu-lagu Tarbiah Sentap di YouTube. Kandungan ini sering kali menggabungkan elemen humor, pesan moral, dan kritikan sosial, dan ia telah menarik jutaan penonton dari kalangan remaja. Lagu-lagu Tarbiah Sentap merujuk kepada kandungan yang menggabungkan unsur-unsur agama, humor dan kritikan dalam bentuk lagu. Kandungan ini sering kali dihasilkan oleh individu atau kumpulan yang mempunyai pengikut yang setia di platform YouTube. Remaja seringkali mencari hiburan dan maklumat di platform ini dan lagu-lagu Tarbiah Sentap menjadi salah satu pilihan yang menarik perhatian mereka.

Remaja masa kini menghabiskan banyak masa dalam talian, terutamanya di platform media sosial seperti YouTube. Kandungan yang mereka terima di platform ini mempengaruhi nilai-nilai, emosi dan tingkah laku mereka. Lagu-lagu Tarbiah Sentap sering mengandungi pesan-pesan moral, nasihat

agama dan kritikan sosial. Mereka juga menggunakan humor sebagai alat untuk menyampaikan pesanan. Pertanyaan yang sering timbul adalah: Bagaimana kandungan ini mempengaruhi remaja? Adakah mereka mengambil iktibar daripada lagu-lagu ini? Atau adakah mereka hanya melihatnya sebagai hiburan semata-mata?

Beberapa kajian telah dijalankan mengenai kesan media sosial terhadap remaja. Namun, kajian khusus mengenai lagu-lagu Tarbiah Sentap ini masih terhad. Kajian ini akan memberi sumbangan kepada pemahaman kita tentang bagaimana kandungan ini mempengaruhi remaja masa kini.

1.2. Objektif kajian

Dalam kajian ini, kami ingin mengkaji mengenai lagu-lagu Tarbiah Sentap semakin mendapat perhatian di kalangan remaja masa kini, terutamanya melalui platform YouTube. Zaman remaja merupakan tahap paling kritis dalam perjalanan hidup seseorang individu. Pada masa inilah mereka ingin mencuba dan meneroka pelbagai tingkah laku dalam mencari identity masing-masing (Colamen, 1961; Kinner, 1994). Lagu-lagu Tarbiah Sentap kini semakin mendapat perhatian di kalangan remaja masa kini. Fenomena ini terutamanya berlaku melalui platform YouTube, di mana video-video yang memuatkan lagu-lagu ini sering mendapat ribuan tontonan. Kandungan lagu-lagu Tarbiah Sentap ini merangkumi isu-isu seperti Pendidikan, moral dan kehidupan seharian dengan gaya yang unit dan menghiburkan.

Remaja tertarik dengan kombinasi humor dan pesanan yang mendalam yang disampaikan melalui lirik-lirik ini. Beberapa ciri menarik yang terdapat dalam lagu-lagu Tarbiah Sentap ini termasuk penggunaan humor sebagai alat untuk menyampaikan pesanan moral, sindiran terhadap isu-isu social dan kreativiti dalam lirik dan visual. Video-video YouTube yang memuatkan lagu-lagu ini menampilkan animasi, ilustrasi dan visual yang menarik, menjadikannya lebih menonjol di kalangan remaja. Selain itu, YouTube sebagai platform utama memainkan peranan penting dalam penyebaran lagu-lagu Tarbiah Sentap. Remaja sangat mudah untuk mengakses kandungan ini melalui telefon pintar atau computer. Mereka juga dapat berinteraksi melalui komen, like dan kongsian. Algoritma YouTube yang mengesyorkan kandungan yang relevan juga mempengaruhi remaja untuk terus menonton dan mendengar lagu-lagu ini.

Dengan populariti yang terus meningkat, kajian mengenai kesan lagu-lagu Tarbiah Sentap di platform Youtube terhadap remaja masa kini menjadi semakin relevan. Kita perlu memahami bagaimana kandungan ini mempengaruhi emosi, sikap dan tingkah laku remaja, serta mengambil Langkah-langkah yang sesuai untuk memaksimumkan kesan positif dan mengurangkan kesan negatifnya.

2. Metodologi kajian

Kajian ini menggunakan metodologi kuantitatif dan mengutip data soal selidik. Satu survei telah dijalankan ke atas remaja yang berumur di antara 19 hingga 25 tahun di Malaysia. Mereka ini telah dipilih secara rawak sebagai sample kajian. Kami akan menggunakan soal selidik yang mengandungi soalan-soalan berkaitan dengan lagu-lagu Tarbiah Sentap daripada aspek emosi, sikap dan tingkah laku remaja. Skala pengukuran yang digunakan adalah skala Likert. Soal selidik ini akan diedarkan melalui aplikasi Whatsapp secara langsung kepada remaja yang terpilih. Kami akan memberikan penjelasan mengenai tujuan kajian dan pentingnya kerjasama daripada mereka. 58 mentakrifkan bahawa penyelidikan kuantitatif sebagai proses inkuiri kearah pemahaman yang didasarkan kaedah pengumpulan data yang kebiasaannya digunakan apabila meninjau sesuatu permasalahan social

(Cresswell, 1994). Selain itu, reka bentuk kajian yang dijalankan ini adalah lebih menjurus kepada kesan baik serta kesan buruk bagi mendapatkan jawapan terhadap persoalan-persoalan yang diuji dan ditimbulkan dalam kajian penyelidikan ini. Tambahan pula, ia juga merupakan kaedah untuk mencapai objektif kajian penyelidikan ini.

3. Perbincangan

Dalam mencapai objektif kajian, data telah dikumpulkan menerusi kaedah soal jawab soalan melalui google form yang mana sebanyak 21 orang responden telah menjawab soalan tersebut. Kandungan soalan dalam google form telah dibahagikan kepada dua bahagian, iaitu Bahagian A yang mengandungi soalan latar belakang responden, Bahagian B, soalan berkaitan kajian. Antara kandungan soalan bahagian A yang diajukan ialah nama, umur, dan juga tahap Pendidikan responden.

Seterusnya, soalan bahagian B adalah soalan berkaitan kajian mengenai lagu-lagu Tarbiah Sentap dapat memberi kesan atau tidak terhadap remaja di mana soalan-soalannya terdiri daripada: Lagu Tarbiah Sentap pernah didengar atau tidak oleh responden, seberapa kerap mereka mendengar atau menonton di platform YouTube, adakah emosi mereka terpengaruh apabila mendengar lagu-lagu tarbiah sentap, lagu-lagu tersebut dapat menyebabkan perubahan tingkah laku responden dan juga adakah responden mengamalkan apa yang ditunjukkan dari lagu-lagu Tarbiah Sentap.

3.1 Bahagian A

Bahagian A ini mengandungi soalan latar belakang responden kalangan remaja.

3.1.1 Latar Belakang Responden

Disini kami mengajukan beberapa soalan kepada responden mengenai nama, umur, dan tahap pendidikan. Responden yang terlibat kebanyakannya berumur dalam lingkungan 19 hingga 25 tahun dan majoritinya adalah pelajar Ijazah Sarjana Muda iaitu sebanyak 95% manakala selebihnya merupakan pelajar ijazah (master).

3.2 Bahagian B

Bahagian B ialah soalan berkaitan kajian mengenai kesan lagu-lagu tarbiah sentap di platform youtube terhadap remaja masa kini.

3.2.1 Kenal dan dengar lagu-lagu Tarbiah Sentap

Daripada data yang diperoleh, semua responden mengenal dan mendengar lagu-lagu Tarbiah Sentap di platform YouTube, Selain itu, data juga mendapati bahawa majoriti responden kerap mendengarnya, seramai 10 orang dari responden yang kerap mendengar lagu-lagu tersebut iaitu sebanyak 3 tahap kekerapan mendengarkan lagu tersebut manakala seramai 4 orang dari 4 tahap kekerapan dan 3 orang yang paling kerap mendengar lagu-lagu tersebut dengan 5 tahap kekerapan dan responden selebihnya kurang kerap mendengar lagu tersebut iaitu seramai 4 orang.

3.2.2 Lagu-lagu Tarbiah Sentap mempengaruhi emosi dan tingkah laku

Berdasarkan data yang diperoleh, lagu-lagu Tarbiah Sentap ini telah mempengaruhi emosi responden yang mana majoriti daripada responden iaitu 11 orang telah memilih tahap ke 4 dan 2 orang telah

memilih tahap 5 dalam dipengaruhi emosi mereka oleh lagu-lagu Tarbiah Sentap manakala selebihnya emosi mereka kurang dipengaruhi oleh lagu-lagu tersebut. Selain itu, lagu-lagu ini memberikan impak yang positif kepada responden dalam tingkah laku mereka antaranya lagu ini memberikan keinsafan kepada pendengarnya dan rasa diri lebih dekat dengan Allah, selain itu juga pendengar lebih cenderung untuk memperbaiki diri menjadi hamba yang lebih baik.

Seterusnya, seperti yang ketahui Tarbiah Sentap adalah sebuah saluran YouTube yang menayangkan dakwah-dakwah mereka kebanyakannya melalui muzik yang mana muzik ini adalah salah satu jalan alternatif untuk menyampaikan dakwah kepada golongan remaja dan kebanyakannya daripada lagu mereka merupakan nasihat yang menyentuh hati pendengar dikala rasa hidup sedang jatuh selain itu ada juga lagu yang mengingatkan tentang ujian dunia yang mana mendatangkan keinsafan pada diri pendengar. Berdasarkan data yang diambil daripada responden, majoriti mereka iaitu sebanyak 76.2% mengatakan bahawa lagu-lagu daripada tarbiah sentap ini menginsafkan mereka apabila didengar dan selebihnya merasakan sedih dan gembira apabila mendengarkan lagu-lagu tarbiah sentap iaitu sebanyak 9.5% dan 14.3%.

3.2.3 Mengamalkan apa yang didengarkan dari lagu-lagu Tarbiah Sentap

Di samping itu, seperti yang diterangkan diatas bahawa lagu-lagu tarbiah sentap ini adalah lagu keagamaan yang membawa kebaikan apabila didengar dengan tidak berlebihan, oleh itu kami menanyakan kepada responden adakah mereka mengamalkan apa yang didengarkan oleh mereka dan majoriti dari mereka menjawab ya berdasarkan soalan itu iaitu sebanyak 66.7% dan selebihnya sebanyak 33.3% menjawab tidak. Ini menunjukkan dakwah melalui muzik menunjukkan hasil yang baik kepada remaja masa kini dan ini dapat dijadikan salah satu jalan untuk menyampaikan risalah nabi seperti berdasarkan hadis Nabi SAW:

بِلَّغُوا عَنِي وَلَوْ آتَيْتُهُمْ

*Maksudnya: Sampaikanlah kalian daripadaku walaupun sepotong ayat.
(Hadis riwayat Imam al-Bukhari (3461) dalam Sahih-nya)*

Berdasarkan hadis diatas jelaslah bahawa jika kita mengetahui sesuatu ilmu yang jelas, kita perlulah sebarkan ilmu itu dengan upaya yang kita ada, termasuklah melalui medium muzik, selagi ia tidak melanggar prinsip-prinsip Islam.

Akhir sekali, responden ditanyakan tentang lagu tarbiah sentap yang menjadi pilihan dan kegemaran mereka dan majoriti mereka memilih lagu Cinta Sementara yang dinyanyikan oleh The Truth yang mana lagu ini mengingatkan kita supaya tidak terlalu mengejar cinta dunia dan selalu mencari jalan akhirat supaya tidak kecewa dengannya.

4. Kesimpulan

Sebagai Kesimpulan, berdasarkan analisis data, lagu-lagu Tarbiah Sentap di platform YouTube memberikan kesan positif kepada remaja. Remaja yang mengikuti konten ini cenderung lebih peka terhadap nilai-nilai agama dan moral. Lagu-lagu ini dapat memotivasi remaja untuk berubah kea-

rah yang lebih baik dan menghindari kemungkaran. Walaubagaimanapun, terdapat juga risiko negatif, beberapa lagu mungkin mengandungi pesan yang terlalu keras atau kontroversial yang boleh mempengaruhi emosi remaja secara negatif. Setiap individu perlu memberikan peranan masing-masing terutamanya ibu bapa, perlu ada pemantauan dan pengawasan yang khusus untuk memastikan remaja memilih konten yang sesuai. Lagu-lagu Tarbiah Sentap di platform YouTube memainkan peranan yang sangat penting dalam membentuk pemikiran dan tingkah laku remaja. Akhir sekali, penting bagi remaja masa kini untuk memilih konten yang sesuai dan memahami pesanan-pesanan yang disampaikan di dalam lagu-lagu Tarbiah Sentap ini.

5. Rujukan

- Asna Zukrina Ahmad Zukni (2017). *Hubungan Antara Pengguna Youtube dengan Tingkah Laku Remaja.* https://www.ipptar.gov.my/phocadownload/ejurnal/2023/artikel-pilihan/Artikel8_2023.pdf.
- Asnorul Aishah Mosman, Fatini Mawaddah Darmadi (2022). *Ketokohan Ustaz Ahmad Adnin bin Roslan Dalam Bidang Dakwah.* Seminar Tokoh Kepimpinan Nusantara 2022.
- Ayun, P. Q. (2015). *Remaja Menggunakan Media Sosial dalam Membentuk Identitas.* 3(2), 1-16.
- Maizatul Haizan Mahbob, Yong Ai Ming, Wan Azreena Wan Jaafar dan Mahfudzah Mustafa. (2011). *Pengaruh "YouTube" Terhadap Keganasan Remaja.* Malaysian Journal of Youth Studies. Vol 4, 76-89.
- Muhammed bin Yusof (2013). *Dakwah Melalui Muzik Edutainment: Tumpuan Terhadap Nasyid di Malaysia.* Isu-Isu Dakwah Semasa, E-Prosing Seminar Antarabangsa Dakwah dan Pembangunan Insan.
- Norizah Aripin, A. I. (2016). *Youtube dan Generasi Muda Islam: Satu Pendekatan Kelompok Fokus Dalam Kalangan Pelajar.* Journal of Communication, 30(1), 243-258.